

23/08/2003

Kelab pupuk integrasi pelajar IPT dilancar Isnin

Norzilawati Abdul Halim

KELAB Perpaduan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang ditubuhkan antara lain bertujuan memupuk integrasi dan perpaduan kaum akan dilancarkan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad di Dewan Canselor Abdul Razak, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Isnin ini.

Pelancaran kelab perpaduan peringkat kebangsaan yang akan dihadiri 2,400 pelajar mewakili 17 IPT awam dan empat IPT swasta itu serentak perasmian program Malaysiaku Merdeka anjuran Urus Setia Integrasi dan Perpaduan Kaum (UIPK) menerusi Pusat Pembangunan Mahasiswa (PPM) UKM.

Penolong Pendaftar PPM yang juga Penasihat UIPK, Mohd Hanafiah Omar, berkata program Malaysiaku Merdeka itu dianjurkan sempena sambutan Bulan Kemerdekaan dan pelancaran kelab perpaduan itu.

"Penubuhan kelab perpaduan membabitkan semua IPT ini adalah cetusan idea Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan pelajar mempunyai semangat integrasi dan perpaduan kaum.

"Penubuhannya juga terkandung dalam Pelan Pelaksanaan Integrasi Kaum bertujuan mewujudkan persekitaran pembelajaran harmoni, saling membantu dan memahami sesama rakan, menyediakan aktiviti lebih sistematik sama ada secara formal dan sebaliknya sebagai saluran berinteraksi antara pelajar pelbagai kaum," katanya kepada Berita Harian, semalam.

Mengenai penubuhan awal kelab itu, Mohd Hanafiah berkata, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat meminta IPT menubuhkan kelab perpaduan peringkat masing-masing, awal tahun lalu.

Katanya, kementerian berkenaan turut menggariskan elemen yang standard untuk diterima pakai semua IPT berlandaskan misi, visi dan objektif sama.

"Visi penubuhan kelab ini ialah untuk membantu universiti dan kerajaan dalam usaha pembentukan bangsa Malaysia yang bersatu padu dan harmoni dalam konteks mencapai matlamat Wawasan 2020, Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan.

"Misinya ialah memupuk kesefahaman, toleransi, semangat muhibah dan patriotisme, kerjasama dan bersatu padu di kalangan mahasiswa pelbagai etnik, agama dan berbilang budaya.

"Sementara itu, objektif pula memupuk, memelihara, meningkat dan mengukuhkan perpaduan mahasiswa berbilang kaum, agama dan budaya selaras dengan matlamat integrasi nasional menerusi program tersusun, terancang, sistematik dan berkesinambungan," katanya.

Ini bermakna semua program yang dianjurkan kementerian itu perlu disertai kelab perpaduan di semua IPT.

Mengenai UIPK pula, Mohd Hanafiah berkata, semua program pembangunan sosial dan kemasyarakatan seperti sukan, lawatan, khemah kerja, penubuhan organisasi, majlis muhibah, hari perayaan dan gotong-royong untuk meningkatkan integrasi masyarakat dan semangat kejiranan anjuran urus setia itu diselia pengurusan Hal Ehwal Pelajar (HEP).

Berhubung majlis pelancaran kelab perpaduan itu dan perasmian program Malaysiaku Merdeka, beliau berkata, ia turut disertai Universiti Tenaga Nasional, Universiti Multimedia, Universiti Teknologi Petronas dan Universiti Tun Abdul Razak.

"Selepas pelancaran kelab dan perasmian program Malaysiaku Merdeka, Musa akan melawat pameran sejarah kemerdekaan, disusuli pertemuan dengan semua Timbalan Naib Canselor HEP IPT.

"Seluruh warga UKM pula berpeluang menyertai pelbagai acara menarik diadakan sempena pelancaran ini seperti pameran, sukan, tayangan filem

berunsur patriotik dan countdown pada malam kemuncak 31 Ogos di Tapak Pesta Konvokesyen UKM," katanya.